



Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld XI

Tarikh : 30 Disember 2013

PEKELILING BENDAHARI BIL. 23/2013

Dekan / Pengarah / Ketua
Fakulti / Pusat / Bahagian / Jabatan / Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia dan

Y.Bhg. Prof. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

LAPORAN PENILAIAN PRESTASI PEMBEKAL – BEKALAN / PERKHIDMATAN

Sukacitanya pihak kami ingin menarik perhatian Y.Bhg. Prof. Dato' / Datin / Tuan / Puan berhubung perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa setiap perkhidmatan yang diterima daripada pembekal hendaklah dibuat penilaian untuk memastikan UKM sentiasa menerima perkhidmatan yang terbaik daripada pihak pembekal.

Sehubungan itu, pihak PTJ perlu mengisi Borang Laporan Penilaian Prestasi Pembekal (**UKM-SPKP-PKU06-BO01 – BO07**). Salinan borang tersebut hendaklah dikemukakan bersama dengan Arahan Pembayaran kepada Pusat Proses Pembayaran. Penilaian bagi perolehan yang melebihi RM50,000.00 bagi setiap pesanan rasmi sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan Bendahari. Bagi amaun pesanan rasmi yang kurang daripada RM50,000.00 disimpan untuk rekod PTJ.

Bagi pembekal yang mendapat Gred C (50% - 69%) dan Gred D (<49%), PTJ perlu mengemukakan surat peringatan kepada pembekal tersebut. (Sila rujuk UKM-SPKP-PKU06-L01 dan L02)

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato' / Datin / Tuan / Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan perkara ini kepada semua kakitangan di Fakulti / Pusat / Bahagian / Jabatan / Unit Y.Bhg. Prof. Dato' / Datin / Tuan / Puan.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,

MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
 - Pendaftar, UKM

Carta Alir Proses Penilaian Prestasi Pembekal

